

## **PENGGUNAAN PERISIAN PADLET.COM DALAM MENINGKATKAN MINAT PELAJAR TERHADAP BAHASA ARAB**

Diyak Ulahman Bin Mat Saad  
Muhammad Bin Hashimee  
Mohd Shafie Bin Zulkifli

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

### **ABSTRAK**

*Bahasa Arab merupakan bahasa kedua terpenting bagi para pelajar di kebanyakan kolej Islam khususnya di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Ini ialah kerana KUIS mewajibkan para pelajarnya mengambil subjek bahasa Arab pada setiap semester pengajian. Justeru itu, para pensyarah perlu memikirkan beberapa cara bagi memastikan pembelajaran bahasa Arab suatu yang menyeronokkan. Pada zaman era perkembangan teknologi kini, pengajaran bahasa Arab perlu dikemaskini dari semasa ke semasa agar pelajar tidak merasakan bosan dan ketinggalan. Penggunaan teknologi juga mampu menjadikan pelajar terus bersaing dalam bidang bahasa. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap penggunaan perisian padlet.com dalam meningkatkan minat pelajar terhadap bahasa Arab. Perisian padlet merupakan salah satu medium bagi membantu pelajar meningkatkan minat mereka terhadap bahasa Arab. Bagi tujuan itu, pengkaji akan memberikan tugas khusus kepada pelajar. Pelajar harus menyiapkan tugas tersebut menggunakan perisian padlet. Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan semasa dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Kajian ini dijalankan di Kolej Universiti Islam Selangor dan melibatkan seramai 15 orang responden. Hasil dapatan daripada edaran soal selidik mendapati bahawa aplikasi ini menarik dan dapat membantu meningkatkan minat pelajar terhadap bahasa Arab.*

**Kata kunci:** *minat terhadap bahasa Arab, menyiapkan tugas, perisian padlet.com*

## **PENDAHULUAN**

Teknologi informasi sedang mengalami perkembangan yang cukup pesat. Menurut Hery Nuryanto (2012), teknologi informasi atau lebih dikenali dalam bahasa asalnya '*information technology*' dapat dimaksudkan sebagai tatacara atau sistem yang digunakan oleh manusia untuk menyampaikan sesuatu informasi. Ia merupakan alat untuk memproses, menyajikan serta mengelola data dan informasi dengan berasaskan kepada peralatan.

Neil Selwyn (2016), menegaskan bahawa pengintegrasian teknologi maklumat dalam pendidikan melalui matapelajaran yang diajar bukan suatu tugas yang mudah. Guru perlu mahir dalam bidang teknologi selain dari kapakaran mereka dalam mengajar. Pemilihan alat bantu mengajar yang berasaskan teknologi juga perlu sesuai dengan genre mata pelajaran yang ingin disampaikan kepada pelajar.

Namun begitu, seiring dengan perkembangan teknologi pada era ini, maka penggunaan teknologi dalam pendidikan juga merupakan aspek yang penting yang perlu dititikberatkan. Menurut Johan @ Eddy Luaran (2013), penggunaan teknologi telah dapat merubah teknik pengajaran guru, kaedah pembelajaran pelajar dan secara keseluruhannya cara pendidikan dikendalikan. Dalam dunia pendidikan berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi, menurut Mohd Feham (2008) terdapat dua faktor yang seringkali menjadi bahan bagi proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Dua faktor tersebut ialah multimedia dan internet. Menurut definisi Mayer (2001), multimedia bererti penyatuan teks, gambar, suara, dan video sebagai persembahan bahan PdP. Internet pula bermaksud segala bentuk maklumat yang terdapat dalam laman-laman web yang boleh digunakan untuk PdP interaktif seperti *youtube*, *facebook*, *twitter*, *skype*, *padlet*, *kahoot* dan seumpamanya.

Begitu juga dalam bidang pembelajaran bahasa, Mohd Firdaus (2013) bersetuju bahawa kepelbagaian penggunaan teknologi dalam PdP bahasa semakin bertambah dengan munculnya pelbagai bahan elektronik secara interaktif, bahan bacaan atas talian dan komuniti maya. Era pembelajaran siber yang sedemikian tidak lagi terbatas dalam bilik kuliah atau perpustakaan malah membolehkan pembelajaran formal berlaku walaupun di luar bilik kuliah tanpa mengira masa dan tempat. Oleh itu, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai bahan bantu mengajar adalah suatu inisiatif meningkatkan keberkesanan dan kualiti terhadap ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru dan diterima dengan pemahaman yang mendalam oleh pelajar.

## **LATAR BELAKANG MASALAH**

Dalam usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar, terdapat aspek utama yang perlu diberi perhatian, iaitu minat pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. Faktor minat ini akan memberi impak yang besar kepada pelajar dalam usaha menguasai bahasa Arab, baik dalam menjadikan mereka mahir mahupun dalam keputusan peperiksaan. Banyak kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana berkaitan dengan penguasaan bahasa Arab mendapati bahawa, faktor utama yang menyebabkan permasalahan dalam pembelajaran bahasa Arab ialah tiada minat dalam kalangan pelajar.

Pelajar mempunyai terlalu banyak sebab yang boleh menghalang usaha pembelajaran mereka. Ramai pelajar tidak belajar dengan baik kerana mereka menganggap tugas yang diberikan kepada mereka tidak relevan dan tidak menarik. Akibatnya, ramai pelajar tidak dapat menunjukkan minat dalam proses pembelajaran mereka.

Para pakar pembelajaran mendapati bahawa minat amat penting dalam pembelajaran terutama sekali ketika pelajar dikehendaki menyelesaikan tugas yang sukar atau mencabar. Dengan adanya minat dalam diri pelajar, mereka tidak merasakan tertekan atau terpaksa malah seronok dengan tugas yang diberi. Ini sejajar dengan apa yang dikatakan oleh Martin Odudukudu (2013), yang bersetuju bahawa minat dan belajar perlu berjalan seiring.

Oleh yang demikian, pengkaji memperkenalkan aplikasi *padlet.com* untuk memupuk minat pelajar khususnya pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang mengambil subjek bahasa Arab dalam melaksanakan tugas sekaligus membina minat mereka dalam mempelajari bahasa Arab.

## **PEMBANGUNAN PERISIAN PADLET.COM DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**

Penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik merupakan suatu aspek yang penting dalam menyediakan PdP sesuatu mata pelajaran. Bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik bukan sahaja boleh digunakan oleh guru dalam proses pengajaran tetapi boleh juga digunakan sendiri oleh pelajar atau masyarakat untuk mempelajari sesuatu terutama sekali pembelajaran bahasa kedua seperti bahasa Arab. Akan tetapi, berdasarkan hasil kajian Abdul Rahim Hamdan & Hayazi Mohd Yasin, penggunaan bahan bantu mengajar berbentuk teknologi masih kurang digunakan oleh para guru. Mustafa (2008), pula mendapati 39.4% guru bahasa Arab masih belum

menguasai penggunaan BBM dalam pengajaran bahasa Arab seperti bahan mengajar berasaskan internet, grafik, dan komputer.

Masalah yang dihadapi oleh segelintir guru menunjukkan kelemahan mereka dalam menguasai pelbagai jenis BBM bagi pengajaran bahasa Arab. Oleh yang demikian, guru seharusnya mengambil langkah proaktif dalam menguasai BBM berasaskan teknologi bagi menimbulkan minat pelajar supaya pembelajaran bahasa Arab menjadi lebih menarik dan berkesan. Guru juga perlu lebih kreatif dan inovatif dalam memberikan yang terbaik kepada pelajar (Norhayati Che Hat, Shaferul Hafes Sha'ari, Mohd Fauzi Abdul Hamid, 2013).

Di samping itu, menurut kajian yang dilakukan oleh Mohd Azul (2000), penggunaan elemen multimedia dapat menyumbang kepada satu persekitaran pembelajaran yang mudah difahami, lebih efektif serta berkualiti di kalangan pelajar. Hasil dapatan ini disokong oleh Norliza, Mohamad Sattar, & Roseamnah (2013) yang menyatakan bahawa teknologi harus dimanfaatkan semaksima mungkin demi meningkatkan kefahaman pelajar dan keberkesanan proses pengajaran.

Perisian *padlet.com* merupakan salah satu aplikasi Internet yang membolehkan pengguna menyuarakan pemikiran mereka dengan topik yang sama dengan mudah. Ia berfungsi seperti kertas dalam talian di mana orang boleh meletakkan apa-apa kandungan (cth. imej, video, dokumen, teks) dengan bebas, bersama sesiapa sahaja, dari mana-mana peralatan teknologi seperti komputer, laptop, tablet, telefon pintar (*smart phone*) dan sebagainya. Perisian ini dibangunkan pada tahun 2012 oleh Nitesh Goel, Pranav Piyush.

Fungsi perisian ini hampir keseluruhannya disediakan secara percuma untuk membantu para pelajar menyukai proses pembelajaran dengan penyediaannya yang menarik dan mesra pengguna. Justeru tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap penggunaan perisian *padlet.com* dalam pembelajaran bahasa Arab.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel kajian merupakan pelajar Kolej Islam Selangor Darul Ehsan dan kajian ini melibatkan seramai 15 orang pelajar yang terdiri daripada 5 orang pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan. Pelajar sedang dalam tahun satu yang mengambil kursus bahasa Arab sebagai mata pelajaran elektif. Bagi mendapatkan

data, satu set soal selidik telah diedarkan kepada pelajar tersebut. Skala Likert lima digunakan untuk menunjukkan persetujuan bagi penggunaan perisian padlet.com dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Skala Likert itu diperincikan sebagai STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, S = Setuju TP = Tidak Pasti, dan SS = Sangat Setuju.

## DAPATAN KAJIAN

Lima item digunakan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap perisian *padlet.com* dalam pembelajaran bahasa Arab. Jadual 1 memaparkan peratus penggunaan tersebut yang menunjukkan bahawa pelajar mempunyai minat yang tinggi terhadap penggunaan perisian *padlet.com* dalam menyelesaikan tugas mereka.

Jadual 1 Minat pelajar dalam penggunaan perisian *padlet.com* dalam menyelesaikan tugas

Bil	Item	STS	TS	S	TP	SS
1	Aplikasi padlet.com memudahkan tugas anda.			53.3%	13.3%	33.3%
2	Aplikasi padlet.com meningkatkan minat anda dalam pembelajaran bahasa Arab.			40%	40%	20%
3	Kaedah membuat tugas menggunakan padlet.com sesuai untuk meningkatkan minat anda dalam bahasa Arab.			66.6%	13.3%	20%
4	Padlet.com membantu anda membuat pembelajaran sendiri.			26.7%	66.7%	6.7%
5	Padlet.com meningkatkan kemahiran anda dalam bahasa Arab.			6.7%	80%	13.3%

Hasil dapatan soal selidik mendapati bahawa item 5 menunjukkan peratus yang tinggi iaitu 80% yang berkaitan dengan kaedah padlet.com dalam meningkatkan kemahiran pelajar dalam bahasa Arab. Seramai seorang menyatakan setuju dengan peratus 6.7%, dua belas orang tidak pasti dan dua orang menyatakan sangat setuju dengan peratus 13.3%.

Berdasarkan item 1, iaitu berkaitan dengan penggunaan padlet.com dalam memudahkan tugas, dapatan kajian menunjukkan seramai lapan orang pelajar (53.3%) yang bersejutu dan lima orang (33.3%) sangat setuju dengan kenyataan pada item tersebut. Namun terdapat dua orang pelajar (13.3%) yang tidak pasti sama ada penggunaan quizlet.com dapat memudahkan tugas atau tidak. Berhubung dengan minat pelajar menggunakan aplikasi padlet.com menerusi item 2, kajian mendapati majoriti pelajar iaitu seramai enam orang (40%) menyatakan setuju, manakala tiga

orang pelajar (20%) sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Namun begitu, terdapat enam pelajar (40%) memberi jawapan tidak pasti.

Mengenai kesesuaian aplikasi padlet.com melalui item 3, sepuluh orang (66.6%) setuju dan tiga orang sangat setuju dengan pernyataan tersebut, manakala dua orang (13.3%) tidak pasti samada aplikasi padlet.com sesuai atau tidak. Bagi item 4, didapati seramai empat orang pelajar (26.7%) menyatakan setuju dan seorang pelajar (6.7%) sangat setuju dengan pernyataan bahawa kaedah penggunaan padlet.com membantu pelajar membuat pembelajaran sendiri. Sementara sepuluh orang pelajar (66.7%) masih tidak pasti tentang pernyataan tersebut.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati penggunaan padlet.com sebagai BBM dalam pembelajaran bahasa Arab bagi keseluruhan pelajar berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa implementasi teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab mampu menarik minat pelajar untuk menguasai bahasa Arab, selain ia menepati konsep pembelajaran terkini.

## **KESIMPULAN**

Penggunaan perisian padlet.com dan aplikasinya mampu memberi satu pendekatan BBM yang lebih menarik dan menyeronokkan terutama dalam menyelesaikan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Para pelajar menjadi lebih aktif dan bersemangat. Selain itu, aplikasi yang melibatkan PdP seperti ini juga memberi ruang yang lebih luas kepada para pelajar untuk menggunakannya bukan sekadar di dalam kelas, bahkan boleh diakses di mana-mana sahaja asalkan mempunyai sambungan internet. Oleh itu, pemanfaatan penggunaan perisian ini dalam proses PdP terutamanya bahasa Arab dapat meningkatkan lagi kualiti PdP di seluruh negara. Justeru, dapat melahirkan generasi yang bukan hanyut ditelan arus teknologi bahkan mampu memanfaatkan kemajuan teknologi untuk ilmu demi mencapai masa depan yang cerah.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rahim Hamdan & Hayazi Mohd Yasin. Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hery Nuryanto, S.Kom. 2012. Sejarah Perkembangan Teknologi Informasi dan Komunikasi. Cetakan Pertama. Indonesia: PT Balai Pustaka (persero).

- Johan @ Eddy Luaran. 2013. Pengintegrasian Web 2.0 dalam Pengajaran dan Pembelajaran subjek Sejarah dan Geografi. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi (UMS, 29 – 30 Ogos 2013). Universiti Teknologi MARA.
- Marrtin Odudukudu. 2013. Interest & Learning. United States of America: Xlibris Corporation.
- Mohd Azul Bin Mohamad Salleh. 2000. Kajian Terhadap Sistem Persembahan Multimedia Untuk Aplikasi Pendidikan. Universiti Malaya: Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat.
- Mohd Feham Md. Ghalib. 2008. Pemanfaatan Teknologi Dalam Pengajaran Bahasa Arab. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohd Firdaus Yahayaa, Muhammad Sabri Sahrirb & Mohd Shahrizal Nasira. 2013. Pembangunan Laman Web EZ-Arabic Sebagai Alternatif Pembelajaran Maya Bahasa Arab bagi Pelajar Sekolah Rendah Malaysia. Jurnal Teknologi. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mustafa Che Omar. 2008. Guru Bahasa Arab terlatih di sekolah: Satu Keperluan di Malaysia. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke 6: Pendidikan Islam Teras Pembangunan Modal Insan. 711–720.
- Neil Selwyn. 2016. Education and Technology: Key Issues and Debates. Second Edition. Bloomsbury Publishing.
- Norhayati Che Hat, Shaaferul Hafes Sha'ari, Mohd Fauzi Abdul Hamid. 2013. Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Animasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab. Jurnal Teknologi. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul, & Roseamnah Abd. Rauf. 2013. Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam, 1(2), 58–73.